

Newspaper	Berita Harian
Date	8/10/2012

# Soros guna NGO tukar kerajaan tak ikut telunjuk

Demokrasi dijadikan alat capai tujuan

**K**etika saya berada di luar negara, Malaysia kini sibuk untuk cuba menghalalkan perbuatannya menerima wang daripada George Soros kerana saya menjemputnya menyertai kempen bagi menjenayahkan peperangan. Menerima wang daripada Soros dan pelawaan bagi menjenayahkan peperangan adalah dua perkara berbeza. Tidak mungkin kedua-duanya boleh menghalalkan satu sama lain.

Saya hanya menulis surat kepada Soros selepas beliau mengakui bahawa saya tidak silap dalam kritikan saya terhadap perdagangan mata wang. Ada yang mungkin masih ingat beliau pernah berkata bahawa saya adalah ancaman kepada negara saya.

Dengan menyatakan bahawa kawalan mata wang yang dikuatkuasakan Malaysia bagi mematah kesan perdagangan mata wang adalah tindakan betul, beliau jelas mengakui bahawa saya mengambil tindakan betul, justeru bukanlah ancaman kepada negara saya. Sudah tentu saya tidak akan berurusan dengan beliau jika beliau terus menganggap saya sebagai ancaman kepada negara saya.

## Tak peduli perang

Surat saya mempelawa beliau menyertai kempen untuk menjenayahkan peperangan didorong oleh tindakannya membiayai kempen bagi menghalang Presiden George W Bush daripada memenangi penggal kedua. Bush suka berperang dan bertanggungjawab ke atas kematian beratus ribu rakyat Iraq dan 6,000 askar Amerika Syarikat (AS) dalam peperangan terhadap Iraq.

Saya menyangka tentangan Soros terhadap Bush adalah kerana beliau tidak sukakan peperangan. Tetapi beliau menjawab pelawaan saya untuk menjenayahkan peperangan dengan menjelaskan bahawa manusia sudah berperang selama 7,000 tahun dan kerana itu peperangan adalah cara menyelesaikan konflik. Malaysia kini agak betul apabila merumuskan bahawa jawapan Soros adalah negatif. Saya tidak terkejut.

Jelas beliau tidak menentang pembunuhan orang ramai dalam peperangan. Saya juga tidak menganggap beliau peduli dengan kemusnahan besar dan penderitaan akibat peperangan.

Saya ada menemuinya ketika beliau datang ke sini tetapi kami bersetuju untuk tidak bersetuju. Beliau masih berpegang bahawa perdagangan mata wang adalah benar dan betul. Kami tidak berdamai. Saya bertindak sopan kerana saya rakyat Malaysia, tidak lebih daripada itu. Justeru, tidak timbul soal untuk berseng-

keta semula.

Menurut penulisan Richard Minter dalam majalah *Forbes*, Soros mengendalikan dasar luarnya sendiri yang mungkin sama atau tidak dengan dasar luar AS. Soros percaya beliau boleh menggunakan wangnya untuk menubuhkan kerajaan yang menyokong beliau atau idealismenya. Memiskinkan negara dan rakyat bukan soal bagi beliau. Malah beliau pernah dipetik sebagai berkata mengenai peranannya dalam keruntuhan mata wang Asia Timur pada 1997 bahawa: "Selaku peserta pasaran, saya tidak perlu peduli mengenai kesan tindakan saya."

## Salur dana kepada pembangkang

Minter juga memetik kenyataan ini daripada majalah *New Statesman Britain*: "Pada 1984 (Soros) menubuhkan Open Society Institute pertama beliau di Hungary dan menyalurkan jutaan dolar kepada pergerakan pembangkang dan media bebas. Kononnya bagi membina 'masyarakat madani', inisiatif berkenaan direka untuk melemahkan struktur politik sedia ada dan menjurus kepada penjajahan Eropah Timur oleh modal global."

Ada yang mungkin ingat kesukaan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap 'masyarakat madani' ketika beliau

berada dalam kerajaan. Beliau masih bercakap mengenai masyarakat madani sekarang. Kesamaan idea antara kedua-duanya, Soros dan Anwar, begitu bermakna.

Minter juga menceritakan peristiwa di Georgia di mana Alexander Lomaia yang mengendalikan Open Society Georgia Foundation milik Soros, menjadi Menteri Pelajaran dan Sains, dan kemudian Setiausaha Majlis Keselamatan Georgia.

## Dakwa perjuangan demokrasi

Pemimpin Parti Buruh dan pembangkang di Georgia, Shalva Natelashvili, menegaskan: "Hakikatnya, George Soros adalah Presiden Georgia, manakala (Presiden) Sakashvili dan (Perdana Menteri) Zurab Zhvania adalah gabenornya. Yayasan Soros mencalonkan sembilan menteri untuk kerajaan Georgia dan semua mereka dilantik." Soros mendakwa beliau menggalakkan demokrasi.

Penyokongnya di sini juga mendakwa memperjuangkan demokrasi walaupun diketuai pemimpin yang tidak dipilih yang kemudian melantik anggota keluarga dan kroninya ke pelbagai jawatan kepimpinan.



DR MAHATHIR MOHAMAD



MA  
SI

manja  
cc

FAK

50

pe

dalam  
bab  
kira-